



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BILANGAN : IKLAN 72/9/17**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai
dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**OPERATOR KENDERAAN TINGKAT II (E.3 EB.4)
PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
KEMENTERIAN KEWANGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kermasian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.



Senarai semak sebelum memohon jawatan kosong dalam Bahagian V

Untuk mengelakkan permohonan awda ditolak, sila pastikan maklumat-maklumat berikut hendaklah lengkap dan di muat naik ke dalam Profil awda sebelum menekan butang ‘**Apply**’;

Kad pengenalan dan Lesen Memandu (jika berkenaan)

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	Kad Pengenalan.pdf
	2016	2016	25/8/2016	Lesen Memandu.pdf

SIJIL KELULUSAN atau **PENGESAHAN JABATAN PEPERIKSAAN** sebagaimana yang dikehendaki oleh Skim Iklan.

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	PCE.pdf
	2016	2016	25/8/2016	UGAMA.pdf
	2016	2016	25/8/2016	PMB.pdf
	2016	2016	25/8/2016	Sijil Berhenti Sekolah.pdf

Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja, memastikan mempunyai pengalaman sebagaimana kehendak skim.

Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja pastikan di dalam profil awda terdapat ruangan “Current Government Employee”/“Warga Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam”. Jika sekiranya tidak ada, pemohon hendaklah memaklumkan kepada POC (Kementerian/Jabatan) dan seterusnya POC (Kementerian /Jabatan) akan memaklumkan kepada POC (SPA).



My Profile

Working Experience

Public and Ex-Government Employee



Current Government Employee

	Start Date	To Date	Name And Address of Employer	
	01/02/2015		PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	▲
	01/02/2015	31/01/2016	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	▼
	01/02/2014	31/01/2015	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	▼


Current Appointment

Starting Date

Ministry

Department

Job Title



1. OPERATOR KENDERAAN TINGKAT II

PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA

KEMENTERIAN KEWANGAN

E.3 EB.4 (\$660 - \$875 SEBULAN)

KEKOSONGAN = DUA (02)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB) / BDTVEC *National Trade Certificate grade 3 (NTC3)* / BDTVEC *National Vocational Certificate* atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tanggagaji F.3 tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tanggagaji F.1 tidak kurang dari 5 tahun.


ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan sebagai Pemandu atau jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tanggagaji F.3 tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tanggagaji F.1 tidak kurang dari 6 tahun.

2. Mempunyai lesen memandu kelas 3 dan kelas 5 yang sah (tidak mansuh).

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB OPERATOR KENDERAAN TINGKAT II:

1. Ditugaskan memandu kenderaan-kenderaan jenis saloon dan juga bas-bas jenis sederhana bagi membawa kakitangan Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.
2. Membuat tugas-tugas yang berkaitan dengan operasi kenderaan-kenderaan Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia seperti yang diarahkan oleh Pengawas Kenderaan.



3. Melaporkan diri kepada Pengawas Operator Kenderaan dalam hal-hal kerja penyelenggaraan, pemeliharaan dan pengendalian ke atas kesemua jenis kenderaan serta kelengkapan jentera GSE yang di bawah kawalan Bahagian Kenderaan, Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia.
4. Bertanggungjawab dengan mengutamakan aspek *Health & Safety* dalam apa jua hal yang berhubungkait dengan bidang tugas serta persekitaran tempat bekerja.
5. Bertanggungjawab dalam memelihara serta mengurus semua jenis peralatan keperluan yang disediakan dalam keadaan mencukupi, baik dan selamat untuk digunakan.
6. Bertanggungjawab dalam menjaga dan menentukan keselamatan semua jenis kenderaan ataupun peralatan jentera sebelum, semasa dan sesudah ianya digunakan ataupun dikendalikan.
7. Bertanggungjawab untuk melaporkan sebarang kerosakan pada semua bahagian kenderaan jika sekirannya didapati.